



Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

FACULTY OF SPORTS SCIENCE AND RECREATION

"Where sports and knowledge come together"



FSR@S3 e-BULLETIN

1ST EDITION


YEAR 2023

In conjunction with student association



Faculty of Sports Science and Recreation

eISSN 3009-1500



9 773009 150007

9 NOVEMBER 2023

TRAIN TO DABONG

PM Ts Dr Nur Helme @ Nur Jannah Azman
Faculty of Applied Science
UiTM Kuala Pilah

Jika anda sukakan aktiviti lasak, suka beriadah bersama keluarga dan suka melancong, pastikan anda tidak melepaskan peluang bercuti di Dabong. Trip ke Dabong menggunakan perkhidmatan KTM sangat berbaloi dengan koc yang diperbaharui, canggih serta selesa untuk penumpang serta mesra OKU. Orang ramai tidak perlu lagi berebut-rebut dan boleh menempah tiket terlebih dahulu mengikut masa yang dikehendaki dan harga yang ditawarkan juga menjimatkan. Jangan terkejut kerana walaupun di era millenium, anda akan merasakan seakan-akan sampai di tahun 1950 an sebaik tiba di stesen Wakaf Bharu dengan pemandangan hijau dan kampung, serta jauh daripada hiruk pikuk bandar. Udara segar yang dihirup bersama pemandangan hutan di kiri kanan sangat menenangkan tatkala menaiki prebet sapu bersama anak-anak menuju ke rumah rehat diiringi oleh celoteh pemandunya yang menerangkan serba sedikit sejarah tempat itu.

Bagi pendaki-pendaki, Dabong yang terletak di daerah Kuala Krai bukanlah tempat asing kerana di situlah letaknya Gunung Stong dan menjadi tumpuan utama mereka untuk menikmati pemandangan indah gunung dengan kepulan awan karpet sambil menyusuri hutan, gua-gua, anak sungai serta air terjun. Panorama yang cantik dan unik yang dimiliki oleh Gua Keris menjanjikan pengalaman menarik yang pastinya akan dipahat rapi oleh penerokanya. Sekiranya anda suka berswafoto, masa yang dilalui tatkala berada di situ dirasakan terlalu pendek kerana pemandangan indah tatkala meneroka formasi stalagmit dan stalaktit serta batuan bersinar yang sukar untuk dilihat dan dicari di mana-mana yang melekan pemerhatinya.

Pengembaraan di Gua Ikan pastinya memuaskan hati peminat-peminat sejarah kerana di situ terdapat fosil hidupan laut berusia jutaan tahun yang mengagumkan. Eksplorasi dengan keadaan bumbung gua yang tinggi rendah sangat mencabar dan menarik walaupun memenatkan pengunjungnya. Tidak hairanlah tempat ini menjadi kawasan kegemaran pelancong negara Eropah. Setelah berpenat lelah, air terjun di Lata Kertas pastinya mengubat rasa letih dengan airnya yang jernih dan sejuk. Perkelahan bersama keluarga di sini sangatlah mengujakan dan aktiviti air yang sangat digemari adalah berkayak dan 'tubing' di Sungai Kenerung. Mengharung sungai bersama anak kecil dengan pelampung yang mengambil masa lebih dari satu jam pastinya mencabar dan memenatkan. Ubat terbaik adalah dengan menikmati menu yang terkenal di sini iaitu mee udang galah, mee celup serta teh tarik madu. Ramuan tersendiri dengan kesegaran udang pastinya menggamit selera ramai.

Bagi penggemar aktiviti ekstrim, anda boleh mencuba memandu ATV di kawasan hutan yang disediakan dengan laluan yang ditetapkan yang boleh dipilih seperti 'biasa' atau 'ekstrim'. Sekiranya tidak biasa, anda dinasihatkan untuk membonceng sahaja atau memilih laluan 'biasa' untuk mengelakkan kemalangan. Aktiviti 'tree climbing', 'zipline', dan 'flying fox' dengan bantuan jurulatih berpengalaman juga disediakan.

Segala aktiviti yang dinyatakan di sini adalah merupakan pengalaman sendiri penulis yang bertandang ke sini dan pastinya ianya tidak dapat dihabiskan dalam masa sehari atau dua. Rancang perjalanan dan aktiviti anda supaya ahli keluarga dapat beriadah secara santai dan gunakan masa yang sebaiknya dengan bantuan 'guider' yang diupah terlebih dahulu. Pastikan anda singgah ke mercu

tanda Gunung Stong sebelum pulang sebagai bukti kunjungan anda ke sini selain memahat kenangan indah dalam bentuk gambar dan memori.



Gambar 1: Aktiviti riadah dan ekstrim yang disertai oleh penulis bersama ahli keluarga



Gambar 2: Memori di Gua Keris



Gambar 3: Kenangan di mercu tanda Gunung Stong